



**ZAMRI** (depan, tengah) bersama pegawai UMSKAL yang menghadiri persidangan video Aspirasi Pendaftar UMS 2018.

## Pegawai UMSKAL hayati Aspirasi Pendaftar UMS

UB 6.4.2018 A5

LABUAN: Pegawai Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) turut menghayati Aspirasi Pendaftar UMS 2018 No'man Haji Ahmad.

Program yang diadakan di Kesumba Café and Lounge, Aras 11, Bangunan Menara UMSKAL itu disiarkan

menerusi persidangan video dari Dewan Resital UMS Kota Kinabalu pada Rabu.

Kumpulan pegawai kanan UMSKAL itu diketuai Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah.

No'man mahu semua pegawai dan kakitangan memperkuuhkan tadbir

urus, pengurusan sumber manusia secara holistik dan kepimpinan.

Selain itu, memperkuuhkan sistem penyampaian, kualiti maklumat dan tahap keselamatan dan harta universiti.

"Saya berharap semua pegawai dan kakitangan sentiasa mendukung amanat Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin," katanya.